

28. Hari Ulang Tahun Saya

Tulis sebuah cerita berdasarkan gambar berikut.



Kata bantuan:

parti hari lahir

topi parti

gembira

hadiah

dihiasi

menyanyikan

Hari ini hari lahir saya. Saya berumur tujuh tahun. Ibu bapa saya telah mengadakan **parti hari lahir** untuk saya. Saya berasa amat **gembira** sekali.

Rumah saya **dihiasi** dengan belon dan reben. Ia kelihatan sungguh cantik. Kami memakai **topi parti**. Terdapat pelbagai topi yang berbeza-beza dan yang berlainan warna. Saya juga mendapat banyak **hadiah** daripada tetamu-tetamu yang datang.

Setelah semua orang hadir, mereka **menyanyikan** lagu hari lahir untuk saya. Selepas itu, saya memotong kek hari lahir saya. Ia suatu peristiwa yang tidak akan dapat saya lupakan.